

Decorative blue lines in the top-left corner, consisting of several parallel, rounded rectangular shapes.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2014

Decorative blue and red lines in the bottom-right corner, consisting of several parallel, rounded rectangular shapes, mirroring the design in the top-left.

ISI KANDUNGAN :

| BIL | TARIKH | TAJUK |
|-----------------|------------------|---|
| APRIL | | |
| | 4 April 2014 | Ralat Laporan Dalam Berita Harian, New Straits Times Dan Harian Metro Lawatan Perdana Menteri Ke Perth, Australia (2 Hingga 3 Apr 14) |
| MEI | | |
| | 8 Mei 2014 | Pelancaran Logo Dan Tema Rasmi Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 |
| | 8 Mei 2014 | Pertandingan Menulis Artikel Sempena Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 |
| | 12 Mei 2014 | Perlanjutan Tarikh Pertandingan Menulis Artikel Sempena Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 |
| DISEMBER | | |
| | 29 Disember 2014 | Meninjau Kesiapsiagaan ATM dan Membantu Mangsa Banjir Melalui Ops Murni |



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (01/04)

**RALAT LAPORAN DALAM BERITA HARIAN, NEW STRAITS TIMES
DAN HARIAN METRO
LAWATAN PERDANA MENTERI KE PERTH, AUSTRALIA (2 HINGGA 3 APR 14)**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan ingin mengambil perhatian kepada berita yang dikeluarkan oleh akhbar seperti berikut:

1. Berita Harian bertarikh 3 Apr 14 (Khamis) muka surat 6 (Nasional).
2. New Straits Times bertarikh 3 Apr 14 (Khamis) muka surat 4 (Prime News).
3. Harian Metro bertarikh 4 Apr 14 (Jumaat) muka surat 8.

Berita dalam akhbar yang dinyatakan di atas memaklumkan **Panglima Tentera Laut Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar** turut serta dalam lawatan tersebut. Namun lawatan tersebut tidak disertai oleh **Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar**.

Mohon rakan-rakan media tidak lagi menyampaikan maklumat yang tidak pasti agar ianya tidak menimbulkan salah faham oleh masyarakat umum.

Kerjasama dari rakan-rakan media amatlah dihargai dan. didahului dengan ucapan terima kasih.

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
4 April 2014 (Dikeluarkan jam 4.10 petang)



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (01/05)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan akhbar seperti berikut:

PELANCARAN LOGO DAN TEMA RASMI HARI ULANG TAHUN TUDM KE-56

Kuala Lumpur- Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini telah melancarkan Logo dan Tema Rasmi Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (HUT TUDM) Ke – 56. Pemangku Panglima Tentera Udara, Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Sri Hj Roslan bin Saad TUDM telah menyempurnakan pelancaran logo HUT TUDM ke 56 dengan tema "Kuasa Udara, Kuasa Negara (Air Power, National Power).

Pelancaran Logo dan Tema Rasmi HUT TUDM ke 56 ini telah dipancarkan melalui Sidang Video pada jam 2.30 petang yang melibatkan 12 buah Pangkalan dan Markas. Majlis pelancaran dari Markas Tentera Udara turut disaksikan oleh Panglima Operasi Udara, Yang Berbahagia Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta Pegawai-Pegawai Kanan TUDM.

Sebaik pelancaran logo, perincian maksud Logo dan Tema telah disampaikan oleh Kolonel Dr Ismail bin Manuri TUDM, Pengarah Pengurusan Strategi, Bahagian Pengurusan Strategik, Markas Tentera Udara.

Pemangku Panglima Tentera Udara di dalam ucapannya telah menekankan bahawa tema tersebut bukan sekadar ungkapan dan frasa semata-mata tetapi menjadikannya sebagai azam atau cabaran yang mesti disahut dan dilaksanakan dengan penuh penghayatan di hati dan minda. Seterusnya perlu disusuli dengan usaha perlaksanaannya yang mana setiap warga TUDM (aspek manusia) adalah bertanggungjawab merealisasikannya dengan komitmen yang tinggi dan sebagai amanah di dalam mempertahankan kedaulatan Negara. Tambahan beliau lagi, kuasa udara adalah unik dan mempunyai kekuatan dan kriteria tersendiri yang dianggap sebagai *decisive power* semasa konflik dan penyumbang utama kepada operasi-operasi semasa aman.

Tema ini bersesuaian dengan Pelan Transformasi TUDM iaitu Air Force Next Generation (AF-NG) iaitu ke arah menjadikan TUDM sebagai sebuah angkatan udara berspektrum penuh menjelang tahun 2020. TUDM akan menyambut Hari Ulang Tahun ke 56 pada tanggal 1 Jun 2014. (Sumber: Perhubungan Awam TUDM)

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
8 Mei 2014 (Dikeluarkan jam 6.50 petang)



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (02/05)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan akhbar seperti berikut:

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDM KE-56

Sempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 pada tahun ini, Tentera Udara Diraja Malaysia akan menganjurkan pertandingan menulis artikel. Pertandingan ini terbuka kepada semua wartawan dan bloggers tempatan di Malaysia. Syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:

1. Terbuka kepada semua wartawan dan bloggers tempatan. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan bagi menyertai pertandingan ini.
2. Bahasa penulisan adalah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
3. Tajuk artikel adalah berdasarkan tema sambutan Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 iaitu '**Kuasa Udara Kuasa Negara/ Air Power is National Power**'.
4. Panjang artikel adalah tidak melebihi 1500 patah perkataan dan ditaip dalam kertas bersaiz A4 dengan menggunakan *font* jenis Arial bersaiz 12 (*double spacing*).
5. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 Mei 2014**.
6. Penyertaan yang memenangi hadiah artikel terbaik akan diterbitkan di dalam majalah *Air force Digest* keluaran bulan Jun 14.
7. Semua penyertaan hendaklah disertakan dengan butiran nama, nombor kad pengenalan, agensi media dan nombor telefon yang boleh dihubungi dan dimajukan melalui surat atau emel ke alamat berikut:

Bahagian Perhubungan Awam TUDM
Markas Tentera Udara
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(Untuk Perhatian: Sekretariat D)
Atau email kepada: prtudm@gmail.com

Semua artikel yang dimajukan akan dinilai oleh juri khas dari TUDM. Peserta-peserta yang dipilih sebagai artikel terbaik akan memenangi hadiah-hadiah menarik dari TUDM.

Hadiah-hadiah kepada pemenang akan disampaikan sendiri oleh Panglima Tentera Udara semasa Hari Media Bersama Kementerian Pertahanan dan TUDM Tahun 2014 yang dijadualkan akan diadakan di Pangkalan Udara Kuantan pada 26 Mei 2014. (Sumber: Perhubungan Awam TUDM).

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
8 Mei 2014 (Dikeluarkan jam 7.50 petang)



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (03/05)

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan mengeluarkan kenyataan akhbar seperti berikut:

PERLANJUTAN TARIKH PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDM KE-56

Pertandingan menulis artikel sempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 pada tahun ini dilanjutkan lagi sehingga **15 Mei 2014**. Ini bagi memberikan peluang kepada lebih ramai rakan-rakan media yang masih berhasrat untuk menyertainya.

Pertandingan ini terbuka kepada semua wartawan dan bloggers tempatan di Malaysia. Syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:

1. Terbuka kepada semua wartawan dan bloggers tempatan. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan bagi menyertai pertandingan ini.
2. Bahasa penulisan adalah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
3. Tajuk artikel adalah berdasarkan tema sambutan Hari Ulang Tahun TUDM Ke-56 iaitu '**Kuasa Udara Kuasa Negara/ Air Power is National Power**'.
4. Panjang artikel adalah tidak melebihi 1500 patah perkataan dan ditaip dalam kertas bersaiz A4 dengan menggunakan *font* jenis Arial bersaiz 12 (*double spacing*).
5. Tarikh tutup penyertaan dilanjutkan tarikh pada **15 Mei 2014**.
6. Penyertaan yang memenangi hadiah artikel terbaik akan diterbitkan di dalam majalah *Air Force Digest* keluaran bulan Jun 14.
7. Semua penyertaan hendaklah disertakan dengan butiran nama, nombor kad pengenalan, agensi media dan nombor telefon yang boleh dihubungi dan dimajukan melalui surat atau emel ke alamat berikut:

Bahagian Perhubungan Awam TUDM
Markas Tentera Udara
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(Untuk Perhatian: Sekretariat D)
Atau email kepada: prtudm@gmail.com

Semua artikel yang dimajukan akan dinilai oleh juri khas dari TUDM. Peserta-peserta yang dipilih sebagai artikel terbaik akan memenangi hadiah-hadiah menarik dari TUDM.

Hadiah-hadiah kepada pemenang akan disampaikan sendiri oleh Panglima Tentera Udara semasa Hari Media Bersama Kementerian Pertahanan dan TUDM Tahun 2014 yang dijadualkan akan diadakan di Pangkalan Udara Kuantan pada 26 Mei 2014. (Sumber: Perhubungan Awam TUDM).

“TRANSFORMASI MELALUI INOVASI”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
12 Mei 2014 (Dikeluarkan jam 6.30 petang)

Kenyataan Media
YB. Dato' Seri Hishammuddin Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

Meninjau Kesiapsiagaan ATM dan Membantu Mangsa Banjir Melalui Ops Murni

Kota Bahru, 29 Disember 2014

Hari ini saya meninjau kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam operasi khas membantu mangsa banjir di seluruh negara, yang juga dikenali sebagai Ops Murni. Kini tumpuan bantuan adalah di 5 buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor sementara bagi negeri yang lain, ATM bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan.

Lawatan saya bermula di Pusat Penerimaan Sumbangan Bekalan Mangsa Banjir di Pangkalan TUDM Subang. Pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta serta individu telah menyalurkan sumbangan ke pusat ini yang beroperasi 24 jam. Antara sumbangan tersebut ialah makanan, minuman, pakaian, ubat-ubatan, barangan mandi, barangan memasak dan generator. Setakat semalam, untuk Kelantan sahaja, kita telah menghantar sebanyak 220 tan barangan keperluan banjir yang dikumpulkan di Pusat ini.

Kemudiannya saya meninjau kesiapsiagaan anggota dan aset ATM di Kelantan serta meluangkan masa membantu mangsa banjir di negeri tersebut termasuk di Pengkalan Chepa, Kuala Krai dan Pasir Mas. Daripada lawatan kerja ini, saya sahkan bahawa anggota dan aset ATM sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga dalam menghadapi bencana banjir. Malah, saya amat menghargai semangat tinggi dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh seluruh warga ATM dalam operasi ini.

Serentak itu, saya mengumumkan bahawa Kementerian Pertahanan sedia menyalurkan sumbangan Wang Ehsan sebanyak RM500 kepada setiap warga kementerian ini yang menjadi mangsa banjir termasuklah kakitangan awam, anggota tentera, serta staf dan jurulatih PLKN.

Kementerian Pertahanan juga sedia memberi cuti tanpa rekod kepada warga kementerian ini yang menjadi mangsa banjir, bagi membolehkan mereka membaik pulih kediaman serta kerosakan lain serta membuat persiapan yang sepatutnya.

Sementara itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa hasil perbualan telefon dengan rakan sejawatan saya dari Singapura, HE Dr Ng Eng Hen, pihaknya sedia meminjamkan 4 unit Water Purifier (mesin penulenan air) kepada Malaysia untuk kegunaan ketika banjir ini. Pihaknya juga akan menugaskan 20 orang anggotanya bagi operasi 4 unit water purifier ini (4 orang bagi setiap unit). Sumbangan ini bagi menggambarkan keprihatinan Singapura terhadap keperitan yang dihadapi Malaysia ketika menghadapi bencana banjir ini.

Sehingga hari ini, lebih 5,000 anggota ATM telah ditugaskan dalam Ops Murni. Dari segi aset dan kelengkapan pula, kita telah menggerakkan aset/kelengkapan dari Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk membantu operasi ini. Bagi TDM, kita telah menggerakkan 89 trak 3 tan, 62 bot tempur, 57 enjin bot OBM, 27 Land rover, 19 trak TATRA, 13 Dapur Medan, 2 buah helikopter Agusta, dan 30 alat komunikasi GIRN.

Bagi TUDM pula, kita telah menggerakkan 4 helikopter EC725, 2 helikopter Nuri dan 2 pesawat C130. Manakala aset TLDM melibatkan 1 pasukan selam, 1 helikopter Fennec dan 1 helikopter Super Lynx.

Selain menugaskan anggota ATM, saya juga telah meminta pihak ATM dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) melibatkan askar wataniah dan pelatih/alumni PLKN dalam Ops Murni. Saya difahamkan bahawa sehingga hari ini sebanyak 5 Rejimen Askar Wataniah iaitu Rejimen 506 di Kelantan, Rejimen 505 di Pahang, Rejimen 503 di Perak, serta Rejimen 502 (Sungai Buloh) dan Rejimen 515 (Kuala Lumpur) yang membantu di Pangkalan TUDM Subang, telah digerakkan dalam operasi ini. Manakala seramai 735 orang pelatih/alumni PLKN telah ditempatkan di kawasan Pusat Pemindahan Banjir di 5 buah negeri.

Berkenaan status Kem PLKN di seluruh negara, hanya 1 kem sahaja yang terjejas akibat banjir ketika ini iaitu Kem Batu Jong, Kuala Krai. Kesemua 340 pelatih di kem tersebut telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir SK Batu Jong. Dalam hal ini, saya ingin memberi jaminan khususnya kepada ibu bapa pelatih PLKN, bahawasanya keselamatan dan kebajikan pelatih sentiasa menjadi keutamaan pihak Kementerian.

=tamat=